

Headline	Sarawak catat peningkatan kes HIV/AIDS		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Dec 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	7	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 655
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,964



CEGAH HIV/AIDS ... Kenil menerima cenderamata daripada Dr. Osman sambil Abdul Wahab pada majlis Hari AIDS Sedunia 2012 Peringkat Negeri di Mukah, baru-baru ini.

Sarawak catat peningkatan kes HIV/AIDS

MUKAH, Isnin — Sebanyak 140 kes HIV/AIDS dikesan di negeri ini sepanjang tempoh Januari hingga September tahun ini.

Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Haji Kenil Haji Jeraiee berkata, paling membimbangkan kita di Sarawak ialah kes HIV terus meningkat setiap tahun.

Katanya, sejak kes pertama dikesan pada tahun 1989 dan sehingga September tahun ini sejumlah 1,525 kes HIV telah dikesan.

“Daripada jumlah ini, 937 adalah

pesakit AIDS dan 331 kematian akibat AIDS,” katanya ketika melancarkan sambutan Hari AIDS Sedunia 2012 Peringkat Negeri di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, sejak HIVS/AIDS melanda dunia memasuki tahun ke-30 dan kes pertama dikesan di Malaysia pada 1986 sejumlah 94,841 kes dicatatkan.

Punca utama jangkitan HIV di Sarawak pada tahun 2011 ialah melalui hubungan seks iaitu, 76 peratus atau 123 kes heteroseksual dan

14 peratus (23 kes) homoseksual.

Katanya, hanya sembilan peratus atau 14 kes berpunca daripada aktiviti penyalahgunaan dadah.

“Memandangkan HIV merebak melalui hubungan seks, maka cara paling mudah mencegah juga ialah melalui hubungan seks selamat,” katanya pada majlis yang turut dihadiri Ahli Parlimen Igan, Datuk Haji Abdul Wahab Haji Dolah, Pegawai Kesihatan Bahagian Mukah, Dr. Haji Osman Haji Rafaie.